

China berhasil biak ikan sturgeon secara permanian beradas

HM 19/10/2024 pg 31

Beijing: Penyelidik dari Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Hidupan Liar Akuatik Shanghai membiakkan ikan sturgeon Cina melalui permanian beradas buat kali pertama, menetasakan hampir 5,000 anak ikan spesies terancam itu.

Memetik laporan The Straits Times, pada jam 10 malam pada 1 Oktober lalu, pangkalan pusat itu di daerah Chongming di Shanghai menyaksikan penetasan ikan sturgeon Cina pertama dibiakkan secara bukan semula jadi, muncul selepas lebih 100 jam pengeraman, diikuti ribuan lagi pada hari berikutnya.

Setakat 8 Oktober, anak ikan pertama membesar hingga 18 milimeter (mm) panjang, dengan semua ikan sturgeon baru lahir dari kohort sama menunjukkan perkembangan sihat. Ini kali pertama Shanghai membiakkan ikan sturgeon secara bukan semula jadi.

"Selepas 20 tahun usaha, kami akhirnya membiak

ikan sturgeon Cina secara buatan di Shanghai dengan tangan sendiri, terima kasih kepada inisiatif perlindungan "Sungai Yangtze," kata timbalan pengarah pusat penyelidikan Zheng Yueping.

Ikan sturgeon Cina, yang dihormati sebagai fosil hidup penting untuk memahami evolusi ikan, hidup di sungai sejak 140 juta tahun.

Walaupun hidupan liar di bawah perlindungan kelas pertama di China, keupayaannya membiak secara semula jadi di alam liar terhenti.

Pada Julai 2022, Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam mengisytiharkan ikan sturgeon Sungai Yangtze pupus di habitat semula jadi.

Walaupun usaha ini pertama di Shanghai dalam membiakkan ikan sturgeon, institusi lain di seberang lembangan Sungai Yangtze terbabit dalam usaha pemuliharaan sedemikian untuk spesies terancam ini. -Agensi